



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**MAJLIS KASIH PEKEBUN DAN PENYAMPAIAN ZAKAT RISDA**

**13 DISEMBER 2020 (AHAD)**

**9.30 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku

*-salutasi sewajarnya-*

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang saya hormati sekalian,

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali, marilah kita sama-sama mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S. W.T. atas perkenan dan izinNya dapat kita berhimpun dalam “Majlis Kasihi Pekebun dan Penyampaian Zakat RISDA” di Kampung Tanjung Tuan, Mersing dalam keadaan yang cukup harmoni. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), RISDA dan penduduk kampung atas kerjasama yang diberikan bagi memastikan majlis yang bermanfaat untuk pekebun kecil dan masyarakat orang asli di sini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

## **PRESTASI PROGRAM PEMBANGUNAN RISDA MALAYSIA**

2. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah diperuntukan oleh Kerajaan sebanyak **RM486 juta** pada

Tahun 2020 bagi melaksanakan program-program pembangunan seperti Tanam Semula, Peningkatan Produktiviti, Keusahawanan, Pembangunan Hasil Baharu dan Khidmat Pengembangan. Peruntukan terbesar diperolehi untuk komponen **Program Pembangunan Kawasan Tanam Semula berjumlah RM207 juta**, diikuti oleh komponen **Peningkatan Produktiviti dan Pembangunan Pekebun Kecil berjumlah RM39 juta** dan **RM20 juta** diperuntukan kepada komponen **Pembangunan Semula Hasil Baharu**.

3. Peruntukan-peruntukan ini telah memberi manfaat kepada 313,924 orang pekebun kecil di seluruh Malaysia yang meliputi kawasan tanaman getah seluas 596,548 hektar yang memiliki purata pendapatan RM3,575 sebulan dari aktiviti ladang dan keusahawanan. RISDA juga telah berjaya memberi kemudahan kepada pekebun kecil untuk aktiviti di kebun dengan **membina jalan kebun sepanjang 299 km** dan **144 buah pembentung pada tahun ini** di bawah **Komponen Prasarana Asas Pertanian (Matang)**.

### **PRESTASI PROGRAM PEMBANGUNAN RISDA NEGERI JOHOR**

4. Untuk tahun 2020, KPLB menerusi RISDA telah memperuntukkan sejumlah **RM7.52 juta** kepada RISDA Negeri Johor untuk Program

Tanam Semula Getah. Sejumlah **1,867 orang pekebun kecil** menerima manfaat dan seluas **3,548.88 hektar** telah dibangunkan untuk program Tanam Semula Getah untuk tahun ini. Daripada jumlah tersebut, RISDA Daerah Mersing menerima peruntukan sebanyak **RM593,557** bagi melaksanakan Program Tanam Semula seluas **411.9 hektar** yang memberi faedah kepada seramai **267 orang pekebun kecil**.

5. RISDA Negeri Johor turut menerima peruntukan untuk **Program Prasarana Asas Pertanian berjumlah RM1.6 Juta** melibatkan 190 peserta. Daripada jumlah itu, RISDA Daerah Mersing menerima **RM150,000** dan telah berjaya membelanjakan **100%** peruntukan berkenaan bagi menyokong pembangunan **2 buah Projek Tanam Semula** bagi **71 orang peserta dengan** keluasan **76.9 hektar**. RISDA turut membina **965 Meter** jalan pertanian dan **1 unit** pembentung bagi memudahkan urusan harian pekebun kecil di ladang. Projek seperti ini merupakan *touch point* Kerajaan yang menyumbang kepada kesejahteraan rakyat yang akan memberi impak positif kepada ekonomi pekebun kecil.

6. Memandangkan harga komoditi getah yang sering tidak menentu, program-program bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil seperti program keusahawanan akan terus dilaksanakan dengan lebih agresif supaya para pekebun kecil dapat menjana pendapatan yang mencukupi secara konsisten. Pada tahun 2020, RISDA Negeri Johor memperuntukkan **RM3.8 juta** untuk Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dan Pembangunan Usahawan kepada pekebun kecil. Dengan peruntukan tersebut, seramai **372 orang usahawan** telah berjaya dilahirkan. RISDA Daerah Mersing telah menerima peruntukan sejumlah

**RM480 Ribu** dan seramai **47** orang usahawan telah berjaya dilahirkan dan dibimbing setakat ini.

7. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada usahawan - usahawan RISDA Daerah Mersing yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam program keusahawanan RISDA untuk tahun 2020 iaitu:

- (i) YBhg. Datuk Saidon bin Abdullah, pengusaha madu lebah – Penerima AET Sijil Halal dan Peserta *Rural Business Challenge* di bawah KPLB;
- (ii) En Othman bin Puteh, pengusaha keropok lekor – Penerima AET Pembungkusan 2020; dan
- (iii) En. Tumin bin Bujang, wakil peserta Projek Kelulut 2020 berkelompok, Kampung Asli Tewowoh, Mersing.

YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

#### **PENYALURAN BANTUAN MUSIM TENGKUJUH TAHUN 2020**

8. Kerajaan telah memperuntukkan **RM164** juta untuk Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) kepada **274,639** pekebun kecil getah yang layak dan berdaftar dengan RISDA. Buat masa ini, RISDA sedang menyalurkan BMT berjumlah RM600 kepada pekebun kecil dan **dibayar dalam 2 peringkat iaitu pada bulan Disember 2020 sebanyak RM300 dan baki RM300 lagi akan dibayar pada bulan Januari 2021.**

9. Saya difahamkan RISDA telah **menerima sebanyak 238,564 permohonan BMT dari seluruh negara** dan di **Negeri Johor, sebanyak 11,722 permohonan telah diterima.** Daripada jumlah

**berkenaan, sebanyak 566 permohonan BMT diterima daripada daerah Mersing.** Kesemua permohonan ini adalah dalam tindakan RISDA.

10. Saya ingin menasihatkan supaya mana-mana pekebun kecil getah yang masih belum membuat permohonan BMT, untuk berbuat demikian di mana – mana pejabat RISDA sebelum 31 Disember 2020.

### **PENYAMPAIAN ZAKAT RISDA**

11. Pada pagi ini, RISDA dengan kerjasama Yayasan RISDA akan menyampaikan zakat berjumlah **RM66,400** kepada masyarakat orang asli Kampung Tanjung Tuan, individu terpilih dan institusi yang bersama dengan kita pada hari ini. Untuk makluman, Yayasan RISDA adalah satu entiti yang ditubuhkan bagi tujuan melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat untuk menjaga kebajikan pekebun atau anak pekebun kecil yang memerlukan bantuan. Saya berharap supaya Yayasan RISDA dapat terus melaksanakan penyampaian zakat dan bantuan kepada pekebun kecil yang memerlukan di negeri – negeri lain untuk mengurangkan beban mereka.

### **PERUNTUKAN RISDA TAHUN 2021**

12. KPLB dan RISDA akan lebih agresif dalam menyampaikan perkhidmatan kepada seluruh pekebun kecil di Malaysia untuk tahun 2021. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM410 juta bagi tahun 2021** untuk Program Pembangunan RISDA yang meliputi komponen Program Pembangunan Kawasan Bertanam Getah sebanyak RM322 juta, Peningkatan Produktiviti dan Pembangunan

Pekebun Kecil sebanyak RM58.7 juta dan Pembangunan Semula Hasil Baharu sebanyak RM30 juta.

13. Peruntukan yang disalurkan ini membuktikan keprihatinan dan komitmen Kerajaan melalui KPLB untuk memastikan kesejahteraan pekebun kecil menerusi menerusi peningkatan pendapatan serta pengeluaran produktiviti getah kepada negara.

### **PENUTUP**

14. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak KPLB, RISDA dan penduduk setempat atas penganjuran majlis yang sangat memberi manfaat kepada masyarakat pekebun kecil. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pekebun kecil yang cemerlang dan tidak jemu-jemu berusaha untuk menjana pendapatan yang lebih baik. Saya berharap semua warga KPLB dan RISDA akan terus menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan demi kesejahteraan pekebun kecil di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Ibu Pejabat RISDA  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
13 Disember 2020**